



KUMPULAN pertama Graduan Diploma Minyak dan Gas dari Republik Timor-Leste gembira berjaya menamatkan pengajian.

15 pelajar kumpulan pertama Timor-Leste terima Diploma Minyak dan Gas

UB 28.11.16 A2

KOTAKINABALU: Seramai 15 graduan kumpulan pertama dari Republik Demokratik Timor-Leste menerima Diploma Minyak dan Gas dalam Sidang 1 Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-18 pada Sabtu.

Kesemua mereka menerima skrol diploma masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Haji Mahiruddin selaku Canselor UMS di pentas konvokesyen Dewan Canselor. Mereka ialah Camilio Ruas,

Cristovela Da Costa Yap, Ester De Assuncao Soares Belo, Eugenia Cortereal, Natalita Viera Aniceto, Paulo De Olivera Rodrigues dan Sergio Valdano Pinto untuk Diploma Kejuruteraan Instrumentasi (Operasi Minyak dan Gas).

Manakala bagi Diploma Kejuruteraan Proses (Minyak dan Gas), penerimanya ialah Alexandre Pinto Sarmiento, Carla Gongcalves, Egas Martinho De Jesus, Gil Savio Da Costa Soares, Ivonio Soares Ximenes, Joanita Carla Sek Dos Remedios, Novianus

Nahak dan Sonia Teresinha Amaral Soares.

Dikendalikan oleh Fakulti Kejuruteraan UMS, inisiatif itu merupakan hasil jalinan kerjasama memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dan Kementerian Pendidikan Republik Demokratik Timor-Leste pada April 2014.

Untuk rekod, kesemua mereka bakal memenuhi keperluan tenaga mahir sekali gus mengisi keperluan industri minyak dan gas di negara itu.